

17 NOV 1999

Adnan-Jambatan

PAHANG LULUS PEMBINAAN JAMBATAN BARU DI TERAS

KUANTAN, 17 Nov (Bernama) -- Kerajaan Negeri Pahang hari ini meluluskan peruntukan kira-kira RM1 juta bagi membina sebuah jambatan baru berdekatan Kampung Teras di Jalan Raub-Bentong, kata Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob hari ini.

Menurutnya beliau telah memaklumkan mengenai masalah yang dialami penduduk di situ selepas melawat Raub, Julai lepas kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Dr Mahathir bersetuju projek itu diluluskan.

"Mereka akan bertanya kenapa sekarang?. Selepas melawat, saya meneliti kemampuan kewangan kerajaan negeri dan kita telah kaji sedikit sebanyak," katanya kepada pemberita selepas pertemuan dengan bekas-bekas wakil rakyat Pahang di sini.

Adnan berkata kerosakan jambatan itu akibat banjir sebelum ini dibaiki dari semasa ke semasa oleh kerajaan.

Beliau berharap penduduk di kawasan itu bersabar kerana Jabatan Kerja Raya akan mengambil tindakan segera bagi membina jambatan terbabit.

Adnan yang mempengerusikan mesyuarat mingguan exco sebelum itu berkata mesyuarat itu turut meluluskan projek membekalkan tenaga elektrik kepada kira-kira 50 keluarga di Kampung Muhibbah, Jerantut yang menduduki kawasan tanah simpanan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).

"Mereka sudah diberi bekalan air sebelum ini dan kos yang ditanggung bagi menyalur bekalan elektrik ini ditanggung tiga pihak iaitu Kerajaan Persekutuan, Tenaga Nasional Berhad dan Kerajaan Negeri.

Beliau berkata mesyuarat itu juga memutuskan untuk menerima pakai keputusan kerajaan persekutuan untuk membayar bonus kepada kakitangan awam.

-- BERNAMA

SHS LAT